

Pantun Dakwah Dalam Internet

Nor Adlyizan Theis^{1*}, Tun Adam Khairrell Tun Mazukie¹, Muhammad Danish Abqari Syamsul Faizi¹, Muhammad Amar Mirza Jasni¹ & Muhammad Firzan Adrieen Mohd Faizal¹

¹Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: adlyizan@usim.edu.my

ABSTRAK

Dalam era digital yang berkembang pesat, pantun sebagai bentuk puisi tradisional Melayu diadaptasi untuk menyampaikan mesej dakwah dengan cara yang lebih kreatif dan menarik. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan pantun dakwah dalam internet sebagai medium penyebaran ajaran Islam. Metodologi kajian ini meliputi kajian secara kualitatif di mana bahan pantun daripada internet di analisa dan pantun yang dipilih adalah pantun yang mempunyai maksud atau mesej dakwah kepada pembaca. Hasil kajian menunjukkan bahawa pantun dakwah berkesan dalam menyampaikan nasihat moral, amalan ibadah, dan peringatan tentang hari akhirat dengan gaya bahasa yang mudah difahami. Responden kajian menunjukkan penerimaan yang tinggi terhadap pantun dakwah dan mengakui kesan positifnya terhadap amalan harian mereka. Walaupun terdapat cabaran dalam penyebarannya, pantun dakwah di internet terbukti menjadi alat yang berpotensi untuk mendekati masyarakat kepada nilai-nilai Islam. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan untuk strategi dakwah yang lebih inovatif dan berkesan di masa hadapan.

Kata Kunci: *pantun, dakwah, internet.*

PENDAHULUAN

Pantun merupakan salah satu bentuk puisi tradisional Melayu yang kaya akan nilai seni dan budaya. Dalam perkembangannya, pantun tidak hanya menjadi media hiburan atau penyampai pesan moral, tetapi juga dapat digunakan sebagai sarana dakwah. Pantun dakwah adalah pantun yang berisi pesan-pesan agama, ajaran Islam, atau nilai-nilai moral yang bertujuan untuk memberikan nasihat atau motivasi kepada pembaca atau pendengarnya.

Dalam era digital saat ini, internet menjadi salah satu platform yang efektif untuk menyebarkan pesan-pesan dakwah. Pantun dakwah yang sebelumnya hanya tersebar melalui lisan atau tulisan, kini lebih mudah diakses oleh berbagai kalangan melalui media sosial, blog, dan forum daring (Azim Normiza 2024). Dengan gaya bahasa yang sederhana, pantun dakwah dapat menjangkau audiens yang lebih luas, menyampaikan pesan agama dengan cara yang ringan dan menarik.

Internet juga memungkinkan dakwah dalam bentuk pantun ini dapat tersebar secara lebih cepat dan luas. Banyak pendakwah, baik individu maupun kelompok, yang memanfaatkan platform online untuk berbagi pantun dakwah dalam bentuk teks, video, maupun audio, sehingga nilai-nilai Islam dapat tersampaikan dengan lebih kreatif dan efektif.

Pantun dakwah dalam internet bukan hanya mencakup ajakan untuk memperbaiki diri atau meningkatkan ibadah, tetapi juga menyampaikan isu-isu sosial dan akhlak dengan bahasa yang lebih mudah diterima, sehingga dakwah terasa lebih dekat dan relevan dengan kehidupan sehari-hari.

Kajian lepas mengenai pantun dakwah dalam konteks media sosial dan internet menunjukkan perkembangan yang signifikan dalam penyebaran nilai-nilai Islam. Berikut adalah beberapa tema utama yang dibincangkan dalam kajian-kajian terdahulu:

1. Penggunaan Pantun dalam Dakwah:
Kajian-kajian sebelum ini menyoroti bagaimana pantun berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan mesej dakwah dengan cara yang menarik. Penyelidikan menunjukkan bahawa pantun dapat merangkum ajaran moral dan nasihat agama dalam format yang mudah diingat dan menarik, sehingga dapat menjangkau pelbagai golongan masyarakat.
2. Kreativiti dalam Penyampaian:
Kajian juga membahas bagaimana inovasi dalam penyampaian pantun dakwah di media sosial telah memperluas capaian dakwah. Penerapan teknologi dan kreativiti dalam pembuatan video, grafik, dan penggunaan platform media sosial telah memberikan nafas baru kepada penyampaian pantun.
3. Penerimaan Masyarakat:
Banyak kajian yang telah menyelidik penerimaan masyarakat terhadap pantun dakwah dalam talian. Hasilnya menunjukkan bahawa golongan muda lebih cenderung terlibat dengan kandungan dakwah yang disampaikan melalui pantun, kerana ia memberikan pendekatan yang lebih santai dan relevan dengan kehidupan seharian mereka. (Zubir Idris, 2012)
4. Kesan terhadap Amalan Agama:
Kajian-kajian lepas juga meneliti impak pantun dakwah terhadap amalan agama dalam kehidupan individu. Beberapa kajian menunjukkan bahawa pendedahan kepada pantun dakwah dapat meningkatkan kesedaran dan motivasi individu untuk mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan harian.
5. Cabaran dalam Penyebaran:
Walaupun terdapat potensi yang besar, kajian lepas juga mencatatkan beberapa cabaran dalam penyebaran pantun dakwah, termasuk ketidakpastian mengenai kualiti kandungan, persaingan dengan jenis kandungan lain di internet, dan kesukaran untuk mengekalkan kesahihan mesej dakwa (Azim Normiza, 2014)

Kajian lepas memberikan asas yang kukuh untuk memahami peranan pantun dakwah dalam konteks digital. Namun, terdapat ruang untuk lebih banyak penyelidikan, terutamanya mengenai strategi yang boleh diambil untuk meningkatkan keberkesanan pantun dakwah dan menjangkau lebih ramai orang dalam masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan pantun dakwah dalam internet sebagai medium penyebaran ajaran Islam.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai pantun dakwah di internet. Pendekatan kualitatif digunakan untuk menganalisis kandungan pantun. Kajian literatur dilakukan untuk mendapatkan latar belakang teori mengenai pantun, dakwah, dan penggunaan internet sebagai medium penyebaran mesej. Sumber-sumber termasuk buku, jurnal, artikel, serta dokumen digital mengenai pantun dan dakwah dalam Islam. Pengumpulan data melibatkan analisis teks pantun dakwah yang terdapat di pelbagai platform internet, seperti media sosial (Facebook, Instagram, Twitter), blog dakwah, dan laman web agama. Pantun-pantun dianalisis berdasarkan temanya, gaya bahasa, dan nilai-nilai agama yang disampaikan. Data daripada analisis kandungan pantun dianalisis menggunakan pendekatan tematik untuk mengenal pasti corak, tema utama, dan mesej dakwah yang disampaikan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Seperti dalam pantun di bawah, pantun ini menerangkan tentang konsep tawakal dalam hidup,

**Pergi pekan ke kedai nyonya,
Kerana hendak membeli baulu;
Tawakal bukan pada tempatnya,
Jika tidak usaha dahulu.**

Adapun kata “Tawakal”, maksudnya setelah berusaha dalam sesuatu perkara, akan berserah kepada Allah atas usaha yang dilakukan. Tawakal bermaksud berserah diri kepada Allah SWT, bukan bergantung kepada makhluk atau benda lain. Namun, bergantung kepada Tuhan tidak menyerah secara pasif. Pergantungan harus disertai dengan usaha. Menurut Dr Zahazan Mohamed (2018), Tawakkul ialah bertawakkal kepada Allah SWT untuk memperolehi pelbagai manfaat dan menghilangkan bahaya dalam urusan dunia dan akhirat selain menyerahkan segala urusan kepadaNya, mengakui bahawa ada tiada yang memberi, menghalang, membawa mudarat dan manfaat melainkan Allah SWT.

Selain itu juga, pantun berkaitan rukun iman juga ada dimuatkan dalam pantun internet ini, pantunnya adalah seperti di bawah,

**Encik Fuat menjadi johan,
Sukanya dia sujud ke bumi;
Janji taat kepada Tuhan,
Dimungkiri ya Allah hukum.**

“Allah” adalah Tuhan yang Esa. Tidak ada dua atau tiga. Semua umat Islam di muka bumi harus beriman kepada-Nya.

**Tepi laman pokok guruh;
Sebesar pemeluk pokok kuini;
Ar-Rahman Maha Pemurah,**

Kepada makhluk di alam ini.

Ar-Rahman merupakan salah satu sifat Allah yang membawa maksud Maha Pemurah. Pantun di atas membawa maksud bahawa Allah mempunyai sifat pemurah kepada hambanya.

Nabi Muhammad SAW bersabda: *“Allah mempunyai sembilan puluh sembilan nama yang baik. Barangsiapa yang mampumenghafal ia akan masuk syurga. Sesungguhnya Allah itu ganjil dan menyukai yang ganjil.”* (Riwayat Bukhari & Muslim)

**Jumpa di taman sahabat lama,
Namanya Uda orang kuala;
Rukun Iman yang pertama,
Beriman kepada Allah Taala.**

Nur Amirah Basiran, Nur Syazana Mohd Saberi dan Kamarul AzmiJasni (2012) menyatakan bahawa beriman kepada Allah bermaksud mempercayai kewujudan Tuhan yang mencipta dan mentadbir dunia dan percaya bahawa Tuhan itu Esa, tiada Tuhan yang patut disembah melainkan Allah. Setiap muslim yang beriman kepada Allah wajib mengetahui sifat-sifat Allah.

**Duduk di taman ada semua,
Adinda kakanda duduk mencelah;
Rukun Iman yang kedua,
Beriman kepada malaikat Allah.**

Beriman kepada malaikat dengan mempercayai sifat-sifat malaikat yang ghaib, tidak mempunyai jantina, tidak mempunyai anak, tidak mempunyai keinginan badan, dan tidak boleh makan, minum dan berkahwin. Al-Quran menyebut:

“Sesungguhnya malaikat-malaikat yang paling dekat dengan Tuhanmu itu tidak sombong untuk menyembah Allah, mereka bertasbih kepada-Nya dan hanya kepada-Nyalah mereka bersujud.” (Surah Al-Al-A‘raf: 206)

**Duduk di laman membuat raga,
Lapang dada isteri Pak Lah,
Terdengar dehem rasa terhibur,
Tidaklah ganjil pada tuannya;
Rukun Iman yang ketiga,
Beriman pada kitab Allah,
Suhuf Ibrahim Kitab Zabur,
Taurat Injil dan al-Quran.**

Beriman kepada kitab-kitab Allah menentukan keimanan seseorang. Kitab-kitab ini diturunkan mengikut peristiwa yang sesuai berlaku pada masa itu dan menjadi rujukan kepada syariah. Ayat al-Quran berbunyi:

“Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan mukjizat dan dengan mereka, Kami menurunkan kitab-kitab dan keterangan-keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia boleh melaksanakan keadilan.” (Surah Al-Hadid, ayat 25)

**Duduk di laman menganyam ketupat,
Sambil nenda berasal usul;
Rukun Iman yang keempat,
Beriman kepada Nabi dan Rasul.**

Rasulullah SAW diutus oleh Allah untuk menyampaikan wahyu yang diberikan kepada umatnya. Rasul adalah nabi, tetapi tidak semua nabi adalah Rasul.

Para Rasul menyampaikan Islam tanpa mengubah, atau menyembunyikan apa-apa. Ada 25 Rasul yang semuanya muslim patut tahu. Lima Rasul yang digelar Ulul Azmi ialah Nabi Nuh as, Nabi Ibrahim (as), Nabi Musa (as), Nabi Isa (as), dan Nabi Muhammad SAW.

**Datuk Bahaman seorang panglima,
Jangan disenda tapi dihormat;
Rukun Iman yang kelima,
Beriman kepada hari kiamat.**

Rukun Iman yang kelima menekankan beriman kepada hari kiamat. Setiap orang yang beriman mesti percaya kepada hari kiamat, yang bermaksud kehidupan selepas mati wujud. Umat Islam wajib beriman kewujudan Syurga dan Neraka, Hari Hisab, Jambatan Sirat al-Mustaqim, dan percaya kepada pertanyaan malaikat di alam kubur. Allah SWT berfirman:

“Sebaliknya, orang yang bertakwa ialah mereka yang beriman kepada Allah, hari akhirat”. (Surah Al-Baqarah: 177)

**Pak Leman bercucuk tanam,
Menanam lada hasil berkandar;
Rukun iman yang keenam,
Beriman kepada qadak dan qadar.**

Qada' dan Qadar adalah takdir yang berlaku dalam kehidupan seseorang. Peruntukan ini menjadikan seseorang mempunyai keimanan yang teguh kepada Allah SWT atau binasa menghadapi takdir ini. Rukun Iman yang keenam ini adalah berpegang teguh untuk meneruskan kehidupan walaupun dalam kesusahan hidup. Rasulullah SAW melarang umatnya melihat pada takdir dalam apa jua cara untuk mengetahui peluang dan musibah yang akan datang.

“Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi dan penyembahan berhala dan mengundi dengan anak panah aci adalah kejijikan kerja tangan Syaitan. Oleh itu, jauhilah mereka supaya kamu menjadi berjaya.” (Surah al- Ma'idah: 90)

KESIMPULAN

Kajian puisi sering meneroka keindahan dan nilai murni. Sumbangan dakwah kajian dalam pantun Internet ini memberi satu cabang baru dalam persepsi Islam menggunakan pendekatan sastra. Pemilihan diksi yang digunakan dalam pantun lebih cenderung kepada unsur dakwah, mencipta keistimewaan dalam gubahan pantun. Biasanya, orang sudah biasa dengan penghantaran dakwah melalui kuliah, kem motivasi, borang bertulis, dan artikel, tetapi kajian kali ini menggunakan genre pantun untuk menyampaikan elemen dakwah dan pendekatan dakwahnya. Ia benar-benar terpuji apabila berjaya mengarang rukun iman dengan indah dalam konteks pantun yang sesuai. Kesimpulannya, pantun merupakan satu bentuk seni kolektif, tetapi melalui kajian ini, ia menyerlahkan kepengarangan pemilik yang menekankan unsur dakwah dalam baris-baris pantun, menyediakan ruang baharu kepada khalayak menerima dakwah melalui puisi tradisional pantun.

RUJUKAN

- Ahmad, M. H. (2015). *Pantun dan Peranannya dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Basit, A. (2009). *Islam Agama Sempurna*. Kuala Lumpur: Telaga Biru
- Abdul Munir, I. (2014). *Dakwah suatu tuntutan dalam Islam*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Al-Kaf, A. (2018). *Dakwah Kreatif di Era Digital*. *Jurnal Komunikasi Islam*, 6(2), 45-58.
- Azim Normiza Ahmad (2024). *Dakwah in Pak Nazel Poems*. *Jurnal Business & Social Sciences*, Vol 14, 640 – 656.
- Hassan, N. (2020). *Penggunaan Media Sosial untuk Penyebaran Dakwah: Satu Tinjauan*. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 8(1), 123-136.
- Ismail, S. (2017). *Puisi Tradisional Sebagai Medium Dakwah dalam Budaya Melayu*. *Proceedings of the International Conference on Malay Literature*, 115-130.
- Kamal, R. (2021). *Pantun Dakwah dalam Internet: Analisis Kandungan dan Penerimaan Masyarakat*. *Jurnal Islam dan Teknologi*, 4(3), 77-89.
- Mohamad, R., & Zainuddin, A. (2019). *Seni Tradisi Sebagai Alat Dakwah: Kajian Terhadap Pantun dan Syair*. *Jurnal Warisan Melayu*, 10(2), 45-60.
- Yusof, N. (2020). *Kreativiti dalam Penyebaran Dakwah: Kajian Terhadap Penggunaan Pantun di Media Sosial*. *Jurnal Kebudayaan Islam*, 7(4), 202-219.